


JUEA ABDULLAH

Jawapan Buat PUTERI





Jawapan Buat PUTERI

Semua hakcipta dalam e-book ini adalah terpelihara. Sebarang bahagian daripada karya ini TIDAK boleh diterbitkan semula, **disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi**, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan elektronik, mekanik, penggambaran semula, perakaman, fotokopi dan sebagainya tanpa mendapat izin bertulis daripada pihak penerbit terlebih dahulu.

© TATAYYUM MISSION ENTERPRISE (AS0386417-U)

Terbitan Pertama : November 2024

Untuk Terbitan:

TATAYYUM MISSION ENTERPRISE

46, Jalan Persiaran 2, Taman Berjaya,
Batu Menunggul, 06700 Pendang, Kedah.

H/P: 011-20503481

Email: tatayyummission@gmail.com

Facebook: Tatayyum Mission



“Hawa dijelmakan untuk Adam a.s. sebagai teman berkongsi segalanya. Nabi Adam bertanggungjawab atas apapun yang Hawa lakukan. Kalau dia bersalah, Nabi Adam sama-sama menanggung hukumannya walau terhukum bergelandang ke dunia sekalipun. Begitu juga kita. Ika ditakdirkan untuk saya. Baik atau buruk, saya tetap akan bersama.”

~ Muhamad Nugman ~





Twinberry Cheesecake

B

unyi air dituang
ke dalam cawan
memecah suasana

sunyi. Hmm... hampir semua di dalam bilik kuliah itu tersenyum. Ada yang teringatkan kopi dan ada yang meneka-neka siapa gerangan yang menghantar mesej kepada si puteri rebutan. Ya! Mereka sangat tahu itu pemberitahuan telefon bimbitnya yang selalu mengganggu bilik kuliah.

Isyh... kenapa terlupa tukar ke silent mode tadi! Puteri Zulaikha bebal sendiri sambil cepat-cepat menundukkan muka, melarikan matanya dari ditenung Sir Azam



Bakhtiar, Pensyarah History of Interior Design yang masih bujang tang tang itu.

Hmm...marah ke jealous? Puteri mengerling mengangkat kening. Tersenyum sumbing dia bila melihat Sir Azam sempat menjeling sebelum dia kembali ke white board.

Puteri dan Diana yang saling berpandangan serentak menutup mulut menahan tawa. Tak sangka rupanya Diana juga mencuri pandang. Dia memang tahu, sudah berbulan Sir Azam menahan jerat memikat sang Puteri.

Mesej yang tertera membuatkan mata Puteri terbeliak. Tak sedar mulutnya luas terbuka. Diana menyiku. Puteri tersentak. Rupanya dahi Sir Azam sedang berkerut memandangnya. Cepat Puteri tersenyum lalu perlahan-lahan telefon bimbitnya disimpan semula ke dalam beg tanpa berkerdip mata memandang Sir



Azam yang akhirnya mengalah. Siapa yang mampu menahan panahan mata dan jelingan manja Puteri!

Dalam pada itu, hati Puteri berdetak sendiri. Beraninya dia! Ajak aku keluar minum petang... masalahnya dia ajak ke Baskin-Robbins! Aiskrim!!! Puteri memang kalah dengan aiskrim!

'Saya ada di sekitar sini. Baru habis meeting. Nak ajak minum petang di Baskin-Robbins. Kalau sudi, saya tunggu di luar.'
~ Nuqman

Jam di tangan tepat 4:30 petang. Waktu kuliah sudah habis. Macam mana ni?

"... I'll see you next week. Please analyse the case carefully. We'll have our Q&A session..."

"Case?" Terpacul soalan dari mulut Puteri.



"Yes, Puteri?" Kening Sir Azam terangkat.

"Isyh... kenapa dengan kau ni!" Diana mencubit lengan Puteri. Malu! Semua sedang memandang. Baru kalut Puteri menggeleng dan minta maaf dengan Sir Azam. Entah kenapa dengan Puteri selepas cuti semester baru-baru ini. Macam short circuit aje, Diana menggerutu dalam hati.

Puteri tertelan liur. Jantungnya berdebar semakin kuat. Kes apa pulak? Eh... aku ni nak jumpa ke tidak? Ya Allah...

"Puteri! Kenapa dengan kau ni?" Diana menyergah.

Puteri macam dalam dunia yang lain, duduk tegak di kerusi memandang entah ke mana.

"Hah! Err... sorry, Diana... Aku... Err..."

"Sejak bila pula kau gagap ni!"



Nafas Puteri tersekat. Arghhhh! Abah!

Rexton Nuqman sarat. Puteri tersandar lega di sebelah Nuqman. Rasakan! Puteri bawa tiga orang teman. Nuqman tak boleh ambil kesempatan nak bermesra-mesra dengannya! Sejak hari pernikahan mereka, ini kali ketiga mereka berjumpa. Ketika Nuqman datang sehari selepas majlis nikah untuk berziarah, sampai sudah dia tak keluar bilik walau puas abang-abangnya memujuk. Waktu lelaki itu minta diri untuk balik, barulah Puteri keluar hanya untuk bersalaman.

“Kita singgah di masjid dulu ya. Waktu asar dah masuk.” Nuqman mengerling jam di tangan. Suaranya selamba.

Puteri menjeling teman-teman di belakang yang tercengang-cengang. Tak ada yang bawa telekung! Hmm... guna telekung busuk di masjidlah jawabnya!



Setengah jam berlalu, mereka berubah ceria melihat aneka jenis 'aiskrim' yang dipamerkan. Puteri mengambil tempat awal-awal, jauh dari Nuqman. Lelaki itu tenang sahaja duduk di hujung meja, di tepi dinding dengan gaya 'the lord of the house' sahaja lagaknya. Diana yang tersenyum-senyum melabuhkan punggung di kerusi sebelah Nuqman tapi ditingkah lelaki itu penuh sopan.

"Maaf, Diana. Kita bukan mahram. We should leave that seat empty if you don't mind?"

"Oh... sure! Err... I don't mind!" Tersenyum mengulum malu namun dahi Diana berkerut. Puteri boleh aje duduk sebelah dia dalam kereta tadi?


"Mr. Nuqman! Here you are... and oh... so many girls!" Pelayan 'minah saleh' bermata kebiruan datang menyapa mesra



sambil mengenyitkan mata mengusik Nuqman, buat semua orang ketawa.

Nuqman membuat pesanan dan meminta dia mendapatkan pesanan dari yang lain pula tanpa memandang ke arah Puteri. Sikapnya buat Puteri mula berasa jengkel. Hmm... waitress tu macam kenal dia? Mesra bukan main, panggil nama lagi. Puteri terus-terusan menganalisa dalam diam.

Nuqman tersandar malas di kerusi sambil membelek sisipan yang terbaru. Masih tidak memandang ke arah isterinya tapi mula memberi respon kepada Diana yang sibuk berceloteh bertanyakan itu dan ini. Nuqman sabar melayan kerenah tiga orang remaja di hadapannya. Pelajar-pelajar Senibina Dalam tahun kedua. Happy go lucky, mesra dan pandai berjenaka. Hanya Puteri yang tak ceria tapi





dia membiarkan sahaja. Mungkin itu yang dia mahu, desis hati Nuqman.

Twinberry cheesecake tiba dengan hiasan kartun gadis bertocang buat mereka ketawa. Jantung Puteri berdebar. *My favourite cake!* Dan muka kartun tu...

"Macam Puteri!!" Teriak teman-temannya sebaik saja kek itu diletakkan di atas meja.

"Especially for you, girls... and Mr. Nuqman..."

Bukan main pelayan yang seorang ini. Riak cemburu mula bergelombang dalam diri Puteri yang sudah masam-masam manis mukanya dketawakan teman-teman. Nuqman ingat itu kelak ar agaknya! Semakin geram dia dengan suaminya.

Sudahlah sedari tadi Diana asyik melentok ketawa dengan jenakanya sendiri. Salah aku juga... aku beritahu dia



yang Nuqman hanya kawan. Apalagi, memancing sakanlah dia! Hati Puteri semakin terbakar. Benci!!

Setelah menghantar kawan-kawannya balik ke hostel, Nuqman menghantar Puteri pulang sekali gus mahu menziarahi ayah mertuanya.

"Hmm... letih betul hari ni. Ingatkan tadi nak relaks, rehatkan otak sambil makan aiskrim. Tak sangka kena *entertain* kawan-kawan awak." Suara Nuqman memecah kesunyian.

"Salah awak! Rajin sangat melayan. Bukan main ramah kalau dengan perempuan!" Puteri mendengus. Tambah sakit hati dia dengan bisikan Diana tadi, *'He's gorgeous! And he said, I can ask you for his number!'* Diana begitu teruja dengan Nuqman. Fine! Bentak hati Puteri. Kita tengok siapa Nuqman sebenarnya!



“Sebelum mereka tanya saya macam-macam tentang kita, lebih baik saya yang bertanya.” Selamba dia menjawab tanpa menoleh sedikit pun.

“Berani betul remaja sekarang ya? Kawan awak minta nombor saya. Pandai-pandailah awak jawab. Saya bukan lelaki yang suka diganggu.”

Puteri tertelan airliur. Dia macam tahu apa yang ada dalam fikirannya. Betul juga! Kalau mereka yang bertanya, macam mana nak dijawab? Nanti pecah rahsia! Puteri mengeluh panjang. Terasa bersalah pula kerana menyusahkan Nuqman. Sedangkan dia sebenarnya keletihan...

Ohh... No! I sound like a wife!

You ARE a wife!

Abah!!



Bagai Disimbah Air Dingin

Azan maghrib mula berkumandang. Waktu itulah Rexton Nuqman masuk ke perkarangan rumah Tan Sri Megat Hasyim Fadhlullah yang keluar menyambut mereka bersama abang Puteri yang tengah, Megat Haramain.

“Abah dah sihat! Abah!” Puteri tetap Puteri. Tidak mengira di mana dia dan siapa bersamanya. Tubuh gagah Tan Sri Hasyim dipeluk erat sekuat hati hingga yang memandang tak dapat menahan senyum dengan gelagatnya. Tiga minggu dia gelisah di hostel mengingatkan abah.



“Abah... abah okey ke ni? Abah dah sihat? Ya Allah... syukur alhamdulillah!” Jemari Puteri menyentuh muka, tangan dan badan abah kesayangannya bagaikan tak percaya. Seminggu abah terbaring. Selepas itu, berkerusi roda. Abah paksa Puteri balik ke kolej. Manalah tak rawan hatinya. Syukur, hari ini abah sudah boleh bangun dan berjalan.

“Abah dah sihat, lka. Berkat doa lka, doa semua orang...,” Tan Sri Hasyim senyum penuh makna.

lka, panggilan untuk Puteri bagi ahli keluarganya. Tan Sri Hasyim memegang wajah anak perempuan tunggalnya lalu dikucup lembut dahinya.

“Apa khabar, Man? Mari masuk, dah lama tak jumpa.” Tan Sri mengenyitkan mata, menyapa menantu ‘instant’nya.



“Alhamdulillah. Syukur. Tan Sri dah sihat...”

“Abah, Man! Abah!” Haramain, abang iparnya menyampuk sambil menepuk mesra bahunya.

Puteri menjeling. Tan Sri Hasyim ketawa sambil menggeleng-geleng.

“Hmm... minta maaf, saya minta izin, saya nak balik dulu...” Nuqman masih teragak-agak untuk memanggil Tan Sri, abah.

“Eh... kenapa tergesa-gesa, Man? Kan dah masuk waktu maghrib? Lebih baik solat dulu”

“Errm... tak apalah. Nanti boleh singgah di masjid dalam perjalanan...”

“Jangan macam tu, Man. Kau kan jaga solat awal waktu. Tak elok tergesa-



gesa. Ika, ambulkan pakaian angah. Bawa Man ke bilik. Biar dia salin pakaian dulu."

Puteri tercengang. Dia yang perlahan-lahan mengundur untuk melarikan diri, terhenti langkah. Ke bilik? Ini sudah lebih! "Angah bawa ke bilik Angahlah! Ika nak cepat ni!"

"Ika, jangan macam tu. Cepat bawa Man ke bilik. Kita solat berjemaah di bawah."

Suara abah mematikan langkahnya yang sudah berlari menaiki anak tangga. Dengan mulut panjang memuncung dan dahi berkerut, Puteri turun semula, memaut lengan Nuaqman lalu mendorongnya ke tangga. Sempat dia berpaling ke arah abah dan Angah.

"Puas hati?" soalnya diiringi jelingan tajam. Tambah sakit hatinya bila melihat abah dan angah tersenyum menang. Bila



dia pandang Nuqman, lelaki itu ikut tersengih sambil angkat bahu.

Mereka solat berjemaah berimamkan Nuqman. Pertama kali mendengar suara Nuqman mengalunkan ayat suci al-Quran dengan bertaranum, begitu sedap pada halwa telinga. Tersentuh hati Puteri dengan bacaan dan penghayatannya. Tak dapat dia menghalang rasa kagum yang menjengah datang.

Selesai mengaminkan doa, Puteri mencium tangan abah dan angah seperti biasa dan... Nuqman. Bagai disimbah air dingin ke seluruh tubuh ketika dia tunduk mencium tangan suaminya.

Sepantas mungkin, Puteri melarikan diri ke bilik, menahan perasaan yang berbaur. Dia menghempaskan diri ke katil. Hatinya meraung tetapi tiada airmata yang mengalir. Menyampah! Geram!



Entah kenapa dia rasa seperti terperangkap. Dia tak mahu menerima lelaki itu tapi pada masa yang sama, dia tak dapat menolaknya. Sampai saat ini, dia masih tak punya alasan untuk itu. Tadi, dia di sini... di biliknya, membiarkan dirinya diadun. Tak berkata sepatah, dia ikut sahaja apa yang diaturkan untuknya. Tak pula dia cuba bermesra atau mengambil peluang untuk mengenalinya. Dia tak kelihatan seperti lelaki pemalu tapi selamba sahaja, bergerak dalam diam, tertib dan beradab.

Abah seperti sangat menghormatinya. Angah pula... kenapa dia kelihatan seperti terlebih mesra? Siapa lelaki itu sebenarnya?

Hidungnya tercium sesuatu yang wangi. Ahh... tuala yang digunakan tadi. Tanpa sedar, tuala itu diraihkan ke dada. Puteri menghidu lagi haruman yang



ditinggalkan di situ. Pasti wangian yang digunakan Nuqman... lelaki yang tak dapat dihalang kehadirannya. Dia hadir dalam hidupnya tanpa diundang. Dia lelaki pilihan abah!

Lelaki! Tersentak seketika, tuala malang itu dibaling sekuat hati ke dinding biliknya.

Abaaaah!



Lelaki Dan Cinta

Tidak ada jalan lain lagi, aku tak boleh berdiam diri. Aku mesti buat sesuatu kalau aku nak menyelamatkan Ika sebelum dia merosakkan diri sendiri.

Begitulah Tan Sri Hasyim bermonolog sendirian beberapa bulan yang lalu selepas mendapat panggilan telefon dari Megat Hafiz, anak sulungnya. Dia masih ingat betapa dia resah gelisah setiap malam, tak dapat tidur walaupun dalam bilik tidur yang berhawa dingin dan mewah.



Puteri Zulaikha, satu-satunya puteri, zuriat yang dilahirkan oleh arwah isterinya, Zuraida. Setelah dia bersendirian tanpa Zuraida, dunia menjadi terlalu sepi membuatkan dia membenamkan diri dalam perniagaan.

Lantaran perpisahan dengan kekasih hatinya itu amat membekas, dia jadi terlalu menyayangi dan menghargai setiap masa bersama puterinya. Puteri dimanja dan dicurahkan sepenuh kasih sayang. Tidak ada permintaannya yang tak ditunaikan. Segala keputusan dan kehendaknya dipenuhi.

Kemuncak kasih sayang itu rupanya membunuh fitrah dan keinsanan puterinya. Dia semakin bebas mengikut kemahuan. Tan Sri Hasyim mula sedar bahawa dia sebenarnya semakin kehilangan Puteri. Malah anak-anak lelaki yang lain semakin menjauhkan diri kerana tak tahan



dengan karenah dan laluan hidup adik kesayangan mereka yang berubah tunggang terbalik. Puteri bukan lagi adik yang manja, naif dan teramat manis. Dia berubah menjadi nakal, pemarah, keras kepala dan suka menyendiri.

Menjaga lembu sekandang lebih mudah dari seorang anak gadis. Betul sungguh kata pepatah itu. Waktu Megat Hafiz menghubunginya dari Langkawi, dia rasakan seperti batu besar menghempap diri. Hafiz yang ada urusan kerja di sana terserempak dengan Puteri dan teman-temannya di Pantai Cenang.

"Fiz macam tak percaya, bah! Dia berdua-duaan dengan lelaki mat saleh mana entah! Mujur Fiz kenal ada kawan sekolej dia kat situ. Saja Fiz menyamar, korek rahsia. Mereka kata, itu memang boyfriend dia, bah! Mat saleh tu, bah!"



“Ya Allah! Ika tak bagitau abah pun ke mana dia nak pergi sekarang ni. Dia makin lama, makin teruk ni, Fiz!”

“Itu yang Fiz geram sangat tadi, bah. Hafiz heret dia balik hotel. Dia merayu minta Fiz jangan bagitau abah. Nanti Fiz bawak dia balik sekali lepas selesai kerja kat sini. Kita kena buat sesuatu, bah! Ika dah tak terkawal kalau macam ni!”

Memang itu bukan kali pertama. Seluruh keluarga tahu yang Puteri bercinta bagaikan berganti baju. Dia tak lagi kerap pulang ke rumah seperti dulu sebaliknya merayap bersama teman-teman di sekitar ibu kota. Tapi kali ini, Puteri melampau batas. Dia sanggup pergi begitu jauh, bercuti bersama lelaki pula!

Tan Sri Hasyim tahu Puteri sebenarnya sedang berdendam dengan lelaki. Sejak cinta pertamanya putus di tengah jalan. Dia melayan sesiapa sahaja yang



mendekati sehingga mereka tersungkur di kakinya lalu ditinggalkan merana sendiri. Dia hilang kepercayaan kepada lelaki dan cinta.

Tan Sri Hasyim tekad. Dia akan menemui Nuqman. Satu-satunya anak muda yang menarik perhatiannya sejak lama. Pengarah urusan firma arkitek miliknya sendiri yang sudah sekian lama bekerjasama dengan Tan Sri Hasyim dalam projek-projek hartanah. Malah dia dikagumi sebagai anak muda yang kuat prinsip, berwibawa dan punya jati diri.

Waktu itu juga dia mengatur rencana bersama tiga anak lelakinya. Tiga hari lagi, Hafiz akan bawa balik Puteri ke rumah. Mereka harus bertindak segera.

Kepulangan Puteri dan Megat Hafiz dikejutkan dengan keadaan abah yang terlantar sakit di katilnya. Megat Haramain yang menjaga abah kelihatan amat sugul.



Puteri terkejut bukan kepalang. Dia hanya dapat memeluk tubuh abah yang lemah tak bermaya. Abah seperti orang lena yang tak mahu bangun-bangun lagi!

Dia hanya dapat mendengar suara abah yang dirakam melalui telefon bimbit Tuan Hamdan, peguam syarikat abah dan yang banyak menguruskan hal-hal rasmi keluarga mereka. Percakapan abah kedengaran tersekat-sekat seolah-olah dia sedang menahan sakit membuatkan jantung Puteri semakin berdebar.

Tangannya semakin kuat memaut lengan Megat Hafiz. Tubuh abah yang terbujur tak bergerak di hadapan mereka semakin mencemaskan perasaannya. Kenapa abah berpesan seolah-olah dia mahu pergi... buat selama-lamanya?

Airmata Puteri mengalir semakin laju. Pemergian ibu sepuluh tahun lepas masih jelas dalam ingatannya. Hanya pada



abah, dia sandarkan kekuatan untuk terus hidup tanpa ibu. Tapi saat ini... abah sedang berhempas-pulas melawan penyakit yang tiba-tiba datang. Puteri tak sanggup kehilangan sekali lagi. Sakit kehilangan itu tak tertanggung. Sedang luka di hatinya belum sembuh malah bagaikan makin parah dengan dendam yang belum puas.

“Ika, dengar tak apa kata abah? Macam mana?”

Lembut suara abang longnya bertanya tapi cukup kuat menyentak jantungnya. Cepat Puteri menggeleng. Matanya yang basah hanya terpaku memandang pada tubuh abah.

“Ika tak setuju dengan permintaan terakhir abah? Abah dah pesan tu, kami kena uruskan majlis nikah Ika sebelum dia hembus nafas terakhir. Abah macam dah



buat semua persediaan ni... along tak tahu pun..."

"Kenapa along cakap macam tu? Hiii... tergamaknya!" Puteri membentak marah sambil meramas geram kemeja alongnya dengan airmata bercucuran.

Megat Hafiz telan liur. Belas melihat keadaan adiknya. Mujur sahaja bukan perutnya yang diramas dan diruntun. "Along faham perasaan Ika tapi... Ika tau kan macam mana abah sayangkan Ika? Dia tak nak Ika hidup sendiri, tak ada yang teman..."

"Abaaaahh!" Puteri meraung sekuat hati, tak mahu mendengar lagi. Dia berpaling dan menerpa memeluk tubuh yang terbujur itu.

Megat Hafiz hela nafas sambil memandang Tuan Hamdan dengan penuh makna. Memang dia mengerahkan



seluruh fokusnya untuk drama sebabak yang amat penting ini.

Habis kemejanya renyuk di tangan Puteri, biarkan. Misinya tak boleh gagal. Nanti lagi lama abah terpaksa terbaring begitu. Kesian abah! Megat Haramain yang melangkah mahu mendapatkan Puteri ditahannya.

“Jangan tinggalkan Ika, bah! Tolong jangan tinggalkan Ika. Abah... bangunlah, bah! Abaaaah!” Puteri meraung tak keruan lagi hingga dia tak sedar entah bila abang-abangnya datang memaut tubuhnya. Puas dia meronta minta dilepaskan tapi mereka berjaya leraikan tubuhnya dari terus memeluk abah dengan sekuat tenaga. Akhirnya Puteri jatuh melurut, melutut dan berpaut pada kaki katil. Hanya Tuhan yang tahu perasaannya saat itu. Dia terlalu sayangkan abah.



Tuhan, tolonglah! Puteri merayu sepenuh hati dengan deraian airmata. Dia belum mampu untuk hidup tanpa abah.


Bila ada jururawat khas bersama doktor peribadi abah masuk dan meminta mereka keluar, Puteri hanya membiarkan abang-abang memapah tubuhnya keluar. Dia dibawa ke bilik, dimandikan oleh kakak iparnya dan disuap makan.

Sejak itu, Puteri bagaikan mayat hidup. Hari-harinya dihabiskan di bilik abah. Hatinya hanya memanggil abah agar bangun dan kembali bersamanya. Dia sangat memerlukan abah. Dia sanggup buat apa sahaja asalkan abah bangun. Batinnya merayu dan merintih agar Tuhan mengasihannya, sudi mengembalikan abah dalam hidupnya.

Akhirnya tanpa inai di jari, tanpa paluan kompang, tanpa majlis yang manis dan indah yang pernah dia impikan. Puteri



merelakan dirinya diijabkabulkan dengan seorang lelaki pilihan abah yang tak pernah dia kenali. Itupun setelah lelaki itu bersetuju, dia hanya sanggup hidup bersamanya setelah umur mencecah 21 tahun. Sebelum itu, dia hanya mahu bersama abah. Tak kira sama ada abah bangun dari pembaringan itu ataupun tidak.



Biar Merpati Hinggap Sendiri

Nuqman sujud lama dalam solat hajatnya di sepertiga malam.


Dia hanya seorang hamba yang tiada daya upaya, tunduk kepada Iradah dan kehendak Khaliqnya yang Maha Mengetahui.

Takdir telah menentukan dia dimandatkan seorang isteri yang dimiliki dengan penuh syarat. Bukan mudah sebenarnya untuk dia membuat keputusan itu. Rasanya tiada lelaki yang sanggup memiliki isteri hanya pada nama dan akad. Gadis itu belum rela dirinya dimiliki. Hatinya belum terbuka untuk seorang suami.



Nuqman sendiri terasa betapa berat bahunya memikul tapi dia pasrah. Semuanya kerana dia tak mampu berpaling dari memenuhi hajat Tan Sri Hasyim, seorang yang sangat dia hormati. Permintaan lelaki itu terlalu tulus untuk dia tolak. Tan Sri Hasyim hanya mahu melihat puterinya dididik mengenal Tuhan, menjadi anak dan isteri solehah. Dia berterus-terang yang dia benar-benar mahu menebus dosa dan kegagalannya sebagai ayah, pendidik dan pemimpin kepada anak kesayangannya.

Nuqman mengadu dengan Tuhannya saban malam yang hening. Memohon petunjuk dan pimpinan. Dalam dunia akhir zaman, kancah terhimpunnya segala dosa dan maksiat seluruh zaman. Maka bukan mudah untuk dia melaksanakan harapan itu. Bukan mudah untuk dia sendiri selamat apatah lagi mahu





menyelamatkan orang lain kalau tanpa pimpinan Allah dan orang pilihan-Nya.

Atas keyakinan yang utuh bahawa setiap perkara itu, hanya Allah sahaja yang akan mengaturkan dan menyelesaikan untuknya, Nuqman yakin sepenuh hati bahawa Allah jugalah yang akan mencairkan hati isterinya. Kerana Tuhan itu adalah Maha Penyelesai Masalah seluruh hamba-Nya. Maka hanya kepada Tuhan, dia merujuk dan merintihkan pertolongan.

Hari berganti namun Puteri meneruskan kehidupannya sendiri. Hanya Diana yang sering menghubungi Nuqman. Ceritanya tentang Puteri dan pasangan terbarunya, Steve, membakar jiwa lelaki itu. Betapa tidak, kata Diana, Steve memiliki pakej hebat impian Puteri sejak sekian lama.

Nuqman tak memberi reaksi, tidak juga cuba mendekati isterinya. Biarkan



dulu, doa dan rintihannya tak kenal jemu. Namun dia tetap resah dan gelisah, cemas kalau puteri merosakkan dirinya hanya kerana mahukan Nuqman mengalah.


Diana langsung tak sedar dirinya diperalatkan Puteri. Ceritanya belum tentu benar. Nuqman dapat membaca, segala kata-kata Puteri kepada Diana punya maksud dan tujuan namun dia yakin dengan rasa hatinya. Tingkah dan langkah Puteri boleh dibaca. Bila tiba waktunya, merpati itu sendiri akan hinggap ke tangannya dengan izin Ilahi.

Tawaran dari pelabur timur tengah tiba tepat pada waktunya dan terlalu baik untuk ditolak. Ia juga menjadi cabaran baru dalam kerjaya Nuqman namun dia perlu ke Istanbul untuk perbincangan dua hala. Sudah lama hajatnya hendak menjejakkan kaki ke Turki untuk mendalami sejarah kegemilangan pemerintahan



Uthmaniyah sebelum dihancurkan oleh musuh Islam tajaan Yahudi dengan sekularisme.

Setelah beberapa lama menyusun rancangan, Nuqman akhirnya membuat keputusan untuk menjejaki isterinya. Tak disangka, Puteri sudi menerima pelawaannya untuk makan malam. Mungkin kerana dia tertanya-tanya tentang berita yang nak dikongsikan nanti. Mungkin tentang hubungan mereka. Nuqman tahu, Puteri tak berupaya menolak kehadirannya kerana sayangkan abahnya tetapi gadis itu juga tahu yang Nuqman boleh memutuskannya.



Bulan Yang Sama

Biasan cahaya riak air di tasik melantun ke wajah Puteri yang sugul dan gelisah. Nuqman membiarkan saja. Mungkin dia sedang memaksa diri. Mungkin juga sedang melawan perasaan sendiri.

Mereka menjamah makanan, sekadar mengisi perut yang lapar. Selera entah di mana. "Saya nak ke Istanbul esok pagi. Tak tahu berapa lama. Itu sebab saya jumpa awak malam ni. Takut nanti terlupa wajah isteri sendiri." Nuqman tersengih di hujung kata. Lucu dengan jenakanya sendiri.



Puteri terkejut namun tak dapat mengelak dari tersenyum. Tiba-tiba rasa seperti akan terlepas bebas dari kurungan. Mujur tersedar, dia cepat tunduk melindungi wajah.

Dia nak pergi..., hatinya berbisik sendiri. Tiba-tiba naluri wanitanya terusik. Hilang punca sekejap, makanan yang dikuis-kuis sejak tadi ditinggalkan terus. Kini dia semakin kehilangan kata.

Nak pergi jauh rupanya! Perasaan Puteri jadi tak keruan. Dahi berkerut tak mampu menelah apa yang dirasakannya di dalam dada.

“Hari tu, kawan-kawan awak ada beritahu, you all nak buat praktikal. Nanti submit resume ke pejabat saya. Untuk first assignment, kondo saya. Memang tak buat apa-apa lagi sejak saya beli. Kalau mereka masih berminat, saya nak offer untuk mereka ubah suai. Tapi bilik tidur saya agak



privacy. Kalau awak sudi, saya serah pada awaklah untuk buat perubahan. Kalau tak, biarkan saja. Nanti ada staf yang akan berurusan dengan awak tentang proposal dan bajet."

Huh! Macam pengarah saja lagaknya! Puteri hanya mengangguk namun hatinya berbunga juga dengan kepercayaan Nuqman kepadanya. Tentang bilik tidurnya... Puteri tersenyum sendiri. Privacy!

Isyhh... aku ni dah kenapa? Puteri jengkel dengan diri sendiri, itu bilik tidur dia, bukan bilik tidur aku!

"Kita ke sebelah sana."

Puteri tak ada pilihan melainkan bangun menjejaki langkah Nuqman. Mereka berjalan bergandingan menyusuri jalan-jalan kecil dalam diam. Masing-masing melayani perasaan sendiri.



Untuk ke tepi tasik, mereka terpaksa melewati beberapa pemuda yang sedang bersantai menikmati dingin malam dengan motor masing-masing. Wajah mereka agak liar dan berwatak kasar bila bergurau senda sesama mereka.

Puteri agak gementar. Bagai mengetahui apa yang dirasa, Nuqman mencapai tangan Puteri hingga dia terdorong berjalan dekat dengannya. Puteri memaut lengan Nuqman lebih rapat bila mata lelaki-lelaki itu memandang ke arahnya diiringi siulan nakal.

Setelah agak jauh, barulah dia berasa agak selamat namun lengan Nuqman masih terus dipaut.

“Masih takut?” Nuqman mengusik.

Puteri segera menjatuhkan tangan, malu sungguh kerana terleka. Nuqman tak dapat menahan senyum.



“Itulah antara maksud perkahwinan. Untuk melindungi dan memelihara kaum hawa. Kalau masih gadis, kan orang selalu buruk sangka? Yang lelaki pula, suka nak ambil kesempatan. Sebab itulah perempuan sebenarnya lebih bebas bila dah kahwin. Bebas bergerak ke mana pun sebab dia akan dilindungi. Orang tak boleh tabur fitnah. Betul tak?”

“Tak betul!” Pantas sahaja Puteri menjawab. “Kalau suami pergi jauh, siapa yang nak lindung?”

Nuqman terkedu. Bagai ada yang tersirat di sebalik pertanyaan itu. “Kan suami tu sangat mendoakan isterinya? Tuhan tu sebaik-baik pelindung. Sebab itulah isteri kena jaga kehormatan diri, minta izin dengan suami kalau nak ke mana-mana. Suami juga boleh amanahkan kepada ahli keluarga yang mahram untuk temankan.”



“Kalau isteri tak minta izin? Suami pula tak tahu, macam mana?” Tak pasti hala mana yang puteri maksudkan. Dia seperti mahu menguji.

Namun Nuqman tenang di sisinya. “Apa pun takkan terlepas. Tuhan dah sediakan bodyguard yang paling profesional. Siapa pun tak boleh atasi...”

“Siapa?” Entah kenapa Puteri begitu memberi perhatian. Antara mencari jawapan atau mungkin kelemahan lelaki itu.

“Raqib dan A'tid! Dua malaikat yang setia menulis setiap perbuatan kita. Setiap catatan itu akan Tuhan hitung. Ada ke yang lebih canggih dari mereka?”

Giliran Puteri pula terdiam, terpukul dengan pertanyaan itu. Nuqman bagaikan mahu memujuk, dia menarik tangan Puteri lalu duduk di anak tangga menghadap Tasik



Shah Alam yang menjadi tumpuan orang terutamanya pada malam hari.

“Awak bimbang? Takut saya mengawal hidup hidup awak?”

Puteri tak mampu memandang, membuang pandang ke tasik yang meriak seraya mengangkat bahu.

“Awak tengok bulan tu... sentiasa ada di sana. Temankan siapa saja yang perlukan teman. Saya akan jadi macam bulan untuk awak. Akan menemani awak bila saja awak mahu. Kalau saya tak ada, awak tengok saja bulan tu. Awak tahu yang saya juga sedang melihat bulan yang sama.”

Bulan yang mengambang penuh menjadi saksi kata-kata Nuqman. Dia sendiri tak pasti mengapa itu yang terlahir. Terasa canggung bila tiba-tiba arkitek bersastera!



Nuqman menoleh melihat puteri yang terus asyik memandang bulan. Dia bagaikan hanyut dalam arus pemikirannya. Saat itu, Nuqman bagaikan tersedar tentang sesuatu, Sesungguhnya, Puteri Zulaikha memang jelita.

“May I?”

Puteri terpinga, tak faham dengan soalan Nuqman. Waktu itu juga, sebuah ciuman singgah lembut di pipi Puteri. Sentuhan kasih dari seorang suami. Kasih sayang yang diredai Tuhan.

God! He's so romantic! So kind!

Hati Puteri bagaikan menjerit keharuan. Dia harus mengakui, Nuqman memang seorang lelaki yang sangat baik. Begitu memahaminya. Sampai saat ini, dia tak pernah memaksa, tak mahu bertanya. Seolah-olah, dia memberi ruang untuk dia benar-benar tahu apa yang dia mahukan



dalam hidup. Sepasang matanya mula berkaca. Sebak meruntun perasaan.

Namun belum sempat dia berkata apa-apa, Nuqman sudah berdiri sambil menghulurkan tangan, mengajaknya pulang. Dalam terpinga, Puteri sambut juga huluran itu dan membiarkan sahaja tangannya dipegang sampai mereka kembali ke kereta.

“Ika...” Pertama kali Nuqman memanggilnya dengan nama itu.

Puteri berdebar. Baru tersedar yang mereka sudah tiba ke hostel. Langsung dia tunduk menyentuh jemari sendiri, tak mampu memandang wajah Nuqman.

“Hawa dijelmakan untuk Adam a.s. sebagai teman berkongsi segalanya. Nabi Adam bertanggungjawab atas apapun yang Hawa lakukan. Kalau dia bersalah, Nabi Adam sama-sama menanggung




hukumannya walau terhukum bergelandang ke dunia sekalipun.”

Nuqman menghela nafas lalu berpaling ke arah isterinya yang belum dia kenali. “Macam tu juga kita, Ika. Ika ditakdirkan untuk saya. Baik atau buruk, saya tetap akan bersama.”

Puteri hilang bicara bila mendengarkan kata-kata itu. Bagaikan menerima suatu mandat, dia tunduk mengiyakan. Kemudian, perlahan-lahan dia turun dari Rexton, melangkah lemah ke hostel. Dia tak berpaling, tiada ucapan dan tiada lambaian.

Nuqman memandang dengan berbagai rasa berbaur. Namun dia tetap mengiringi langkah isterinya dengan doa.



Bulan Tolonglah Jawab

Puteri tak sedar entah berapa lama dia terlena bersama selendang sutera di tangannya. Itulah hadiah pemberian Nuqman yang dikirimkan bersama cek tunai untuk pengubahsuaian kondonya.

Sepurnama berlalu, saban malam Puteri merenung bulan. Nuqman sepi tanpa berita. Menghukum atau mendera? Puteri sendiri buntu. Dia sudah tak tahu apa yang sedang berlaku kepada dirinya.

Bagaikan pungguk menunggu malam menjelma, Puteri juga jadi setia menanti bulan dan cahayanya. Dia juga mula



berhati-hati dalam setiap langkahnya. Jadi taat entah kepada siapa. Dia sendiri tak pasti. Yang dia tahu, dia tak mahu buat apa yang Tuhan tak suka dan apa yang Nuqman tak suka. Kata-kata Nuqman sangat meninggalkan kesan di dalam dirinya. Raqib dan A'tid mencatatit!

Kondo Nuqman sudah berubah wajah. Biliknya dihias bagaikan untuk putera raja. Teman-teman sudah berbisik-bisik. Puteri semakin berubah. Dia lebih suka bersendirian. Steve juga sudah putus asa mahu memujuk. Jambangan bunga sudah jadi belukar di bilik hostel. Puteri sudah tak menghiraukannya. Dia tak lagi ligat berhibur. Alasannya, study!

Apakah ini rindu? Inikah yang sebenarnya dikatakan cinta atau aku dah gila? Bulan, tolonglah jawab!


Airmata Puteri mengalir lagi. Dia sudah berjanji untuk tak mengalah dengan lelaki.



Spesies itu tak boleh digantung harap tapi Puteri tak tahu sejauh mana dia sanggup bertahan hidup begini. Semua jadi tak keruan. Setiap deringan telefon mendebarakan.

“Abah... Ika... Ika nak ke Istanbul. Boleh tak, bah?”

Tan Sri Hashim menarik nafas penuh syukur. Dia tahu, Nuqman bukan sebarang lelaki.



Selepas Nektah Segalanya Bermula

Lapangan Terbang Atartuk di Istanbul menjadi tempat paling indah bagi Puteri Zulaikha dan dia merasa terlalu kerdil saat itu. Dia datang untuk menyerahkan hatinya. Gementar. Bimbang sungguh kalau hanya dia yang merasakan ini semua. Kalau si dia hanya menganggapnya seorang isteri. Tak lebih dari itu. Sedangkan seluruh kehidupan ini nak diserahkan. Apa pun boleh berlaku. Puteri pasrah.

Hampir setengah jam dia bagaikan dilambung ombak. Nuqman tak juga muncul. Apakah dia sebenarnya tak mahu



diganggu? Mungkin dia hanya terpaksa selama ini kerana abah?

Ahh... kenapa tak berterus-terang sahaja kalau keberatan menerima kedatangannya? Atau apakah dia...

“Assalamualaikum, Puteri Zulaikha.”

Mata Puteri terpejam saat mendengar suara itu menyebut namanya. Dia menjawab dalam diam, tiba-tiba jadi takut hendak bergerak. Apa yang harus dikatakan kepadanya? Apa yang patut dia lakukan? Dia... sebagai isteri?

Bahunya tiba-tiba disentuh, tubuhnya dipusingkan. Puteri terngadah mengadap Nuqman., menatap anak matanya dalam terpaksa. Sedangkan waktu itu, dia sedang menahan debaran yang sedang menggila di dalam dada. Malah rasa mahu pusing dan melarikan diri semakin kuat menguasai diri.



Hatinya mula sebal dan bebal... This is a mistake, Ika!

"Ika, seni seviyorum..." Nuqman tiba-tiba berbahasa Turki. Daggu Puteri diangkat dengan hujung jarinya, pandangannya meratah wajah gadis itu yang bertudung ayu. Mahkotanya yang cantik kini dibaluti selendang sutera pemberiannya.

Kening Puteri terangkat, tak mengerti. "Err... awak... awak suruh saya balik ke?"

Nuqman terdongak ke atas seraya melepas tawa bersama nafas yang terhele puas. Kemudian dia kembali menatap wajah Puteri seraya menggeleng. Jemarinya sempat menarik hidung puteri yang mancung. "Silly! I said, I love you..."

Pertama kali, mereka ketawa bersama. Selepas noktah, segalanya bermula.

Nota buat pembaca:

Jawapan Buat Puteri adalah salah sebuah cerpen dalam buku HAKIKAT CINTA, SEBUAH ANTOLOGI CERPEN, terbitan BukuPrima pada tahun 2010.

Dari cerpen ini, kisah Nuqman dan Puteri Zulaikha bersambung dalam novel bertajuk MAKNA PADA RASA dan kemudiannya PERSIS AKAR DANI.


Kedua tajuk itu kini diterbitkan dalam bentuk ebook. Ingin mengikuti kisah mereka? Dapatkan kedua ebook itu di sini.

Klik [MaknaPadaRasa](#) dan [PersisAkarDani](#)



PDF Books, PDF Novels, Shop
PDF Book | MAKNA PADA RASA + FREE eBook
RM20.00

[Add to cart](#)



PDF Books, PDF Novels, Shop
PDF Book | PERSIS AKAR DANI + FREE eBook
RM20.00

[Add to cart](#)